

# ASEAN zon aman

## Dari muka 1

“Kempen itu juga tidak mencerminkan kelestarian minyak sawit terutamanya di Malaysia dan Indonesia serta bercanggah dengan komitmen EU dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) bagi amalan perdagangan bebas,” katanya.

Perdana Menteri turut memberi jaminan komitmen Malaysia terhadap isu-isu yang dibincangkan dalam pertemuan dengan pemimpin Indonesia itu antaranya tentang Myanmar, perlindungan pekerja Indonesia di negara ini dan soal sempadan.

Terdahulu, Jokowi ketika membaca kenyataan bersama berkenaan berkata, kedua-dua negara sepakat untuk meneruskan, menguatkan ASEAN dan memastikan pertubuhan itu memainkan peranan dalam memastikan wilayah Indo Pasifik terus aman.

“Selain dalam isu Myanmar. In-

donesia dan Malaysia mempunyai pandangan sama terhadap Konsensus Lima Perkara (5PC) yang dipersetujui dengan ASEAN untuk menamatkan krisis di negara itu. Kita mahu junta Myanmar melaksanakan 5PC itu,” kata Jokowi.

Anwar sebelum itu tiba di Istana Bogor pada pukul 10 pagi waktu tempatan dan diberikan sambutan negara oleh Jokowi.

Menurut Jokowi, pihaknya juga yakin di bawah kepemimpinan Anwar, kerjasama Indonesia dan Malaysia akan semakin kuat.

“Dalam pertemuan, saya menyampaikan beberapa hal, pertamanya, saya menyambut baik penglibatan pelabur Malaysia dalam pembangunan Ibu Kota Nusantara (IKN). Sebanyak 11 pucuk Surat Minat (LOI) telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa IKN.

“Beberapa memorandum persefahaman (MoU) merangkumi bidang eksport import dalam lain-lain sudah ditandatangani,”

kata Jokowi.

Kedua-duanya turut menyaksikan penyerahan LOI antara Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz dan Pengerusi Pihak Berkuasa IKN, Bambang Susantono.

Mengenai isu pekerja, Jokowi menjelaskan, pihaknya juga menyambut baik komitmen Anwar dalam memberikan perlindungan bagi pekerja migran Indonesia dan berharap *One Channel System* untuk pengambilan dan penempatan pekerja benar-benar dijalankan bersama.

“Saya juga mengulangi permintaan pentingnya pembangunan *Community Learning Centre* di Semenanjung untuk pendidikan anak-anak pekerja migran,” katanya.

Dalam isu berkaitan sempadan, jelasnya, perjanjian persefahaman perbatasan dalam segmen Sebatik dan segmen Sinapat, Sesai dapat

ditandatangani tahun ini dan juga perjanjian laut wilayah di Laut Sulawesi dan Selat Melaka bahagian selatan juga disepakati tahun ini.

Katanya, Indonesia turut menghargai komitmen Malaysia tentang maklumat penerbangan ruang udara Indonesia-Singapura dan proses seterusnya di Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) akan dapat dilanjutkan.

Indonesia merupakan rakan perdagangan dan pelaburan yang strategik Malaysia, malah antara Januari hingga November 2022 jumlah perdagangan dua hala kedua-dua negara telah mencecah RM120.26 bilion, peningkatan sebanyak 41.7 peratus.

Sehingga suku kedua 2022, pelaburan Malaysia di Indonesia adalah sebanyak RM59.8 bilion manakala pelaburan Indonesia di negara ini sebanyak RM4.2 bilion.